

02/08/2003

Jakim bincang cerai SMS minggu depan

Azrina Ahzan

KUCHING: Perbincangan mengenai isu perceraian menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) diadakan minggu depan, termasuk mengkaji kemungkinan meminda Undang-undang Keluarga Islam di semua negeri.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mohamad Shahir Abdullah, berkata sebelum itu pertemuan perlu diadakan dengan semua penasihat undang-undang negeri bagi mendapatkan pandangan mereka.

Katanya, walaupun pindaan itu mungkin mengambil masa panjang, ia perlu dilaksanakan berikutan arahan Kabinet yang meminta enakmen baru diwujudkan, bagi memastikan kemudahan SMS tidak disalahgunakan.

"Kita perlu adakan pertemuan awal dengan penasihat undang-undang di semua negeri untuk mengkaji secara terperinci peruntukan dalam Undang-undang Keluarga Islam.

"Pindaan ini pasti mengambil masa lama, tetapi ia perlu dilakukan supaya kemudahan SMS tidak disalahgunakan oleh umat Islam untuk tujuan perceraian.

"Kajian juga membabitkan kadar denda yang dikenakan terhadap mereka yang didapati melakukan kesalahan. Bagaimanapun ini diputuskan melalui rundingan yang bakal diadakan," katanya di sini, semalam.

Mengulas sama ada pendekatan serta-merta dapat diambil untuk mengatasi masalah itu kerana pindaan akan mengambil masa yang lama, Shahir berkata, pihaknya akan memberi penjelasan kepada masyarakat supaya mereka faham mengenai isu itu.

Katanya, penjelasan itu perlu kerana ada umat Islam yang tidak mengetahui isu berkenaan dari segi hukum dan peruntukan undang-undang.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis pecah tanah Pusat Islam Sarawak oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Pada mesyuaratnya Rabu lalu, Kabinet memutuskan perceraian pasangan Islam menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) tidak sepatutnya dilakukan atau dibenarkan menjadi budaya di negara ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Jakim dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mengkaji sama ada enakmen baru diperlukan bagi memastikan penggunaan SMS, emel dan faks tidak disalahgunakan untuk tujuan perceraian.